

• Ibrah

# Iktibar daripada Perang Salib

■ Rashid Ating

Penyelidik Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi,  
dan Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya

**P**erang Salib merupakan perang yang melibatkan dua agama terbesar dunia, iaitu Islam dan Kristian. Perang ini berlaku selama 700 tahun, melibatkan tujuh siri perang antara tentera Muslim dengan tentera salib. Sepanjang tujuh siri pertempuran ini, enam daripadanya dimenangi oleh tentera Muslim dan satu dimenangi oleh tentera salib. Tujuan utama perang ini adalah untuk merebut kota suci Jerusalem.



Baitulmuqaddis atau Jerusalem menjadi rebutan tiga agama utama pada ketika itu, iaitu Islam, Kristian dan Yahudi (berfahaman Judaism). Bagi masyarakat Islam, Baitulmuqaddis merupakan kiblat pertama umat Islam yang difardukan sebelum berpindah ke Kaabah di Makkah. Bagi masyarakat Yahudi yang menganut fahaman Judaism, Jerusalem merupakan tanah neneh moyang mereka sejak abad ke-10SM. Tanah ini dianggap sebagai pusat dunia dan tempat Tuhan mereka tinggal, manakala bagi masyarakat Kristian, Jeruselam dianggap sebagai tempat suci dalam agama Kristian kerana di sitalah Jesus Christ atau Nabi Isa dibawa sekali-sekala semasa kanak-kanak, memberikan peringatan atau khutbah kepada orang miskin semasa beliau dewasa, disalibkan pada akhir hayatnya, dan dibangkitkan oleh Tuhan. Gereja Holy Sepulchre secara umumnya dianggap sebagai gereja yang paling penting dalam agama Kristian dan dikatakan telah dibina di lokasi Jesus Christ atau Nabi Isa disalibkan.

#### Pengajaran daripada Perang Salib

Yang berikut antara inti pati yang boleh diambil daripada Perang Salib.

**1** Kepercayaan yang tidak berbelah bahagi oleh rakyat kepada golongan agamawan. Peranan golongan agamawan amatlah penting kerana sebarang perkataan yang dilontarkan

oleh golongan ini akan diambil perhatian secara serius oleh golongan bawahan kerana mereka dihormati dan mendapat tempat yang istimewa dalam kelompok masyarakat.

Hal ini ditunjukkan semasa Perang Salib I apabila para petani menyambut seruan daripada Pope Urbanus semasa Persidangan Clermont dan Peter the Hermit untuk menyertai Perang Salib sebagai satu daripada jihad bagi membebaskan Jerusalem daripada penjajahan umat Islam. Pada zaman ini, peranan gereja berkembang secara drastik, bukan hanya terhad kepada institusi keagamaan, tetapi sebagai institusi yang memacu bermulanya seruan Perang Salib di Eropah.

**2** Sikap terhadap tawanan perang terutamanya golongan wanita, kanak-kanak dan warga tua. Semasa Perang Salib I, tentera salib yang berjaya menakluki Jerusalem pada tahun 1099 telah melakukan keganasan dengan membunuh semua penduduk tanpa mengira siapa-siapa mereka (kecuali penduduk yang beragama Kristian). Golongan wanita, kanak-kanak dan warga tua juga tidak terkecuali dan menjadi mangsa kerakusan tentera salib. Tindakan seperti ini sama sekali tidak berperikemanusiaan. Walaupun tentera salib

mempunyai dendam kesumat terhadap tentera Islam, tetapi mereka seharusnya tidak membunuh golongan yang lemah.

Dari sisi yang lain, semasa Salahuuddin al-Ayyubi berjaya menakluki Jerusalem daripada tentera salib, beliau menetapkan syarat bahawa mereka akan dibebaskan jika membayar wang tebusan diri, iaitu 10 Dinar Mesir bagi kaum lelaki, 5 Dinar Mesir bagi kaum wanita, dan 2 Dinar Mesir bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan. Bagi tentera yang berjuang mempertahankan Jerusalem pula, mereka diberikan pilihan sama ada akan dibebaskan dan dilepaskan sekiranya memeluk Islam, ataupun dibunuh sekiranya masih berpegang pada agama mereka. Mereka dibunuh juga dengan tujuan

Perang Salib bukan bertujuan untuk mencari pihak yang benar ataupun salah, sebaliknya merupakan ruang dan peluang untuk percambahan budaya, ilmu pengetahuan dan medium untuk mempelajari dan memperbaik kekurangan dan kelemahan masing-masing.

agar tidak menentang tentera Islam lagi.

**3** Percakaran sesama pemimpin umat Islam tidak akan membawa sebarang manfaat kerana pada akhirnya, pihak lain akan mendapat keuntungan daripada pertelaghanan sesama sendiri. Hal ini dapat dilihat semasa Perang Salib I, pemimpin kerajaan Islam seperti Kerajaan Islam Turki Seljuk, Kerajaan Fatimiyah di Mesir dan Bani Abbasiyah di Baghdad bertelingkah sesama sendiri, selain meluaskan kuasa mereka sehingga membawa kejatuhan Jerusalem pada Julai 1099. Permusuhan dan perasaan tidak percaya dalam kalangan pasukan tentera Islam menyebabkan tentera Islam kehilangan kota Antioch dalam peperangan ini. Selain itu, terdapat tali barut dalam kalangan tentera Islam yang membocorkan maklumat akibat terpedaya dengan tawaran hadiah yang lumayan daripada tentera salib.

**4** Kerjasama merupakan kunci untuk mencapai kemenangan, namun memerlukan masa yang lama untuk dibina, dan menunggu waktu yang panjang untuk mengecap hasilnya. Hal ini dapat dilihat daripada tempoh yang diambil oleh Salahuddin al-Ayyubi untuk membebaskan Jerusalem daripada cengkaman tentera salib. Untuk mencapai

matlamat membebaskan Jerusalem, beliau bekerjasama dan menyatukan semua pemimpin Islam di bawah satu panji dan matlamat yang sama, iaitu untuk membebaskan Jerusalem yang telah jatuh ke tangan tentera salib dalam Perang Salib I. Hal yang sama ditunjukkan apabila Alexius Comnenus I dan Paus Urbanus II, dua pemimpin tertinggi Kristian dari Eropah Timur (berfahaman Yunani Ortodoks) dan Barat (berfahaman Roman Katolik) sanggup mengetepikan perbezaan fahaman agama mereka, sebaliknya bekerjasama untuk menentang tentera Islam dalam Perang Salib I. Begitu juga dengan Henry II dari England dan Philip II dari Perancis yang berbuat perkara yang sama apabila mengetepikan persengketaan sesama mereka ketika memimpin pasukan tentera salib yang baru dalam Perang Salib III.

**5** Perancangan yang rapi amat penting untuk memastikan sesuatu matlamat tercapai. Salahuddin al-Ayyubi sebelum menawan Jerusalem telah mengambil langkah dengan menawan bandar-bandar di sekitar Jerusalem terlebih dahulu. Tindakan ini diambil dengan tujuan apabila pengepungan atau serangan terhadap Jerusalem dijalankan, bandar-bandar di

sekitar ini tidak akan memberikan sebarang bantuan. Ketidaaan sebarang bantuan akan menyebabkan runtuhan moral pasukan yang mempertahankan Jerusalem dan mereka akan menyerah kalah selepas itu kerana seolah-olah tidak ada harapan bagi mereka untuk menang.

Selain itu, bagi memastikan tidak ada sebarang bantuan dari Eropah sampai ke Jerusalem semasa proses pengepungan tersebut berlangsung, Salahuddin al-Ayyubi meletakkan armada laut di sekitar Laut Merah. Kapal-kapal perang ini bertujuan untuk memintas armada laut tentera salib yang sudah pasti cuba memberikan bantuan semasa Jerusalem diserang dengan menutup semua laluan masuk dan keluar bekalan untuk sampai ke Jerusalem.

**6** Perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain walaupun tidak berada pada pihak yang sama dan mempunyai matlamat yang berbeza-beza. Salahuddin al-Ayyubi dan Richard I bertembung dalam Perang Asruf (bahasa Latin) atau Acre, Perang Salib III yang dimenangi oleh Richard I. Beliau pada ketika itu mengepalai angkatan tentera salib dari pelbagai negara, sekali gus berjaya mempertahankan Jaffa daripada ditawan oleh Salahuddin al-Ayyubi yang

pada ketika itu berhasrat untuk menawan kota tersebut sebagai satu daripada perancangannya untuk menawan Jerusalem.

Tidak hanya itu, perasaan hormat-menghormati antara Salahuddin al-Ayyubi dengan Richard I ini telah diabadikan dalam puisi yang ditulis pada abad ke-14 tentang Salahuddin al-Ayyubi.

Mereka berdua telah menandatangani perjanjian damai, iaitu bersetuju dengan pelaksanaan gencatan senjata selama tiga tahun bagi kedua-dua belah pihak.

Perang Salib menyebabkan pertembungan dua budaya, kepercayaan, matlamat dan cara hidup yang berbeza-beza. Tidak dinafikan bahawa peperangan ini telah meragut jutaan nyawa

daripada kedua-dua belah pihak. Peperangan ini bukan bertujuan untuk mencari pihak yang benar ataupun salah, sebaliknya merupakan ruang dan peluang untuk percambahan budaya, ilmu pengetahuan dan medium untuk mempelajari dan memperbaik kekurangan dan kelemahan masing-masing. Perang Salib telah mempercepat proses pertembungan ini dan kesan tersebut boleh dilihat dari segi aspek, politik dan sosial. ☩

**Jadual** Ringkasan tokoh daripada pasukan tentera Muslim dan tentera salib serta peristiwa penting semasa Perang Salib I hingga Perang Salib III.

| Perang Salib | Tokoh daripada Pasukan Muslim   | Tokoh daripada Pasukan Salib  | Peristiwa Penting   |
|--------------|---|---|---|
| Sebelum      | Alp-Arslan  | Maharaja Armanus  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pertempuran Manzikert berlaku.</li> </ul>  |
| Pertama      | Sultan Qilij Arslan   | Alexius Comnenus I<br>Paus Urbanus II<br>Raymond dari Toulouse<br>Behomend dari Sicily<br><br>Godfrey dari Boulin   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Persidangan Clermont diadakan.</li> <li>Persidangan Piacenza diadakan.</li> <li>Pertempuran Dorylaeum berlaku.</li> <li>Kota Antioch ditawan oleh tentera salib.</li> <li>Jerusalem ditawan oleh tentera salib.</li> </ul>   |
| Kedua        | Al-Sulami<br>Ibn al-Khasysab<br><br>Maudud bin Tuntakin<br>Immanuddin Zengi<br>Nuruddin Zengi<br>Assaduddin Syirkuh<br><br>Salahuddin al-Ayyubi | Almaric<br>Baldwin IV<br><br>Reynald the Chatillon<br>Guy the Lusigna<br>Juslin II<br>Louis VII<br><br>Conrad III   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Maudud bin Tuntakin dibunuh.</li> <li>Kota Eddessa ditawan oleh tentera Islam.</li> <li>Nuruddin Zengi meninggal dunia.</li> <li>Baldwin IV meninggal dunia.</li> <li>Perang Hittin berlaku.</li> <li>Kota Tiberias ditawan oleh tentera Islam.</li> <li>Benteng Karak ditawan oleh tentera Islam.</li> <li>Jerusalem ditawan oleh tentera Islam.</li> </ul> |
| Ketiga       | Al-Afdhal<br>Al-Zahir<br>Al-Malik al-Adil<br>Salahuddin al-Ayyubi   | Paus Gregory VIII<br>Philip II dari Perancis<br>Richard I dari England<br>Frederick The Lionheart<br>Henry de Champagne<br>Balian II de Ibelin<br>Unfroy de IV de Torun | <ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian Damai Ramallah dimeterai.</li> </ul>  |